



TALKING POINT

DI MAJLIS SAMBUTAN 3 DEKAD PENTADBIRAN MEMBANGUN

BERSAMA ISLAM KERAJAAN NEGERI KELANTAN

TARIKH : 25 OKTOBER 2020

BERTEMPAT : DEWAN JAMUAN UTAMA, KOTA DARULNAIM

BISMILAHIRAHMANIRRAHIM

ASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAHIWABARAKATUH

TERIMA KASIH PENERUSI MAJLIS.

- 1. YANG AMAT BERHORMAT USTAZ DATO' BENTARA KANAN,
DATO' HAJI AHMAD BIN YAKUB, MENTERI BESAR KELANTAN.**
- 2. YANG BERHORMAT DATO' SPEAKER DEWAN UNDANGAN
NEGERI KELANTAN**

3. **YANG BERHORMAT DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

4. **YANG BERHORMAT DATO' PENASIHAT UNDANG-UNDANG
NEGERI KELANTAN**

5. **YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
KELANTAN**

- 6. YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

- 7. YANG BERHORMAT AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI,
AHLI DEWAN NEGARA DAN AHLI DEWAN RAKYAT**

- 8. DATO'-DATO', DATIN-DATIN, KETUA-KETUA JABATAN NEGERI
DAN PERSEKUTUAN SETERUSNYA PARA HADIRIN YANG
DIHORMATI SEKALIAN**

1. ALHAMDULILLAH DAN SEGALA PUJI BAGI ALLAH KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA DAPAT KITA BERHIMPUN PADA PAGI INI DALAM ACARA YANG PENUH BERMAKNA INI IAITU **MAJLIS SAMBUTAN 3 DEKAD PENTADBIRAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM KERAJAAN NEGERI KELANTAN.**
2. SAYA JUGA MENGAMBIL PELUANG INI UNTUK MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN, DATO' HJ AHMAD BIN YAKUB, MENTERI BESAR KELANTAN DI ATAS KESUDIAN HADIR DAN SETERUSNYA MENYAMPAIKAN AMANAT BELIAU PADA HARI INI.

3. SAYA SELAKU PENERUS JAWATANKUASA INDIK
SAMBUTAN PADA TAHUN INI INGIN MERAKAMKAN
UCAPAN TERIMA KASIH DAN SEKALUNG TAHNIAH
KEPADA PIHAK URUSETIA DAN SEMUA PIHAK YANG
TELAH BERUSAHA SEDAYA UPAYA BAGI MENJAYAKAN
MAJLIS PADA PAGI INI.

4. SEPERTI YANG KITA SEMUA SEDIA MAKLUM,. PADA
TANGGAL 21 OKTOBER 1990, KEPIMPINAN KERAJAAN
NEGERI KELANTAN TELAH BERTUKAR TANGAN DAN
DITERAJUI OLEH ULAMA SETELAH ALMARHUM TUAN
GURU DATO' BENTARA SETIA HAJI NIK ABDUL AZIZ NIK
MAT MENJAWAT JAWATAN MENTERI BESAR
KELANTAN.

5. KERAJAAN NEGERI DI BAWAH KEPIMPINAN ALMARHUM TOK GURU NIK AZIZ MELETAKKAN DASAR MEMBANGUN BERSAMA ISLAM YANG KINI KITA BERADA DI FASA MERAKYATKAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM.KERAJAAN NEGERI SANGAT MENEKANKAN ASPEK KUALITI KERJA DAN MODEL ATAU QUDWAH RASULULLAH S.A.W. SEBAGAI CONTOH IKUTAN SELURUH JENTERA PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI.

6. DASAR UBUDIYYAH, MAS'ULIYYAH DAN ITQAN YANG MENJADI TERAS PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEHINGGA KINI TELAH DIPERKENALKAN OLEH ALMARHUM TOK GURU SEBAGAI SUATU MODEL PENTADBIRAN ISLAM YANG TERBAIK.

7. PADA TAHUN INI, PADA TANGGAL 21 OKTOBER YANG LALU, TELAH GENAP 3 DEKAD ATAUPUN 30 TAHUN USIA PENTADBIRAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

KERAJAAN NEGERI KELANTAN YANG TELAH DI ASASKAN OLEH ALMARHUM TUAN GURU NIK AZIZ.

8. SAMBUTAN YANG KITA ADAKAN PADA TAHUN INI AGAK BERBEZA PADA TAHUN-TAHUN SEBELUMNYA DISEBABKAN PANDEMIK COVID-19, TETAPI IN SHA ALLAH TETAP MERIAH DENGAN PELBAGAI PROGRAM DAN ACARA YANG TELAH KITA RANCANGKAN.

9. JAWATANKUASA INDUK SAMBUTAN 3 DEKAD MEMBANGUN BERSAMA ISLAM PADA TAHUN INI TELAH MENYELARAS 11 PROGRAM DIPERINGKAT KERAJAAN YANG MELIBATKAN SEMUA PORTFOLIO DIBAWAH AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI DAN DIGERAKKAN SECARA TERSUSUN OLEH UNIT PERANCANGAN EKONOMI NEGERI KELANTAN (UPEN)

SEBAGAI URUS SETIA SAMBUTAN. SAMBUTAN BERKENAAN AKAN BERMULA PADA OKTOBER INI DAN BERAKHIR SEHINGGA 31 DISEMBER 2020 DIPELBAGAI LOKASI YANG TELAH DITETAPKAN.

10. PROGRAM YANG AKAN BERLANGSUNG SEPANJANG SAMBUTAN 3 DEKAD MBI ADALAH SEBAGAIMANA BERIKUT:

1. AMANAT KHAS MENTERI BESAR KEPADA PEGAWAI DAN KAKITANGAN URUS SETIA KERAJAAN NEGERI PADA 17 OKTOBER 2020

2. MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN 3 DEKAD DAN AMANAT MENTERI BESAR KEPADA PENJAWAT AWAM KERAJAAN NEGERI PADA 25 OKTOBER 2020

- 3. HARI KEBAJIKAN NEGERI KELANTAN PADA 18-19 OKTOBER 2020**
- 4. SEMINAR PEMBANGUNAN MAMPAN PADA BULAN NOVEMBER 2020**
- 5. FORUM UNDANG-UNDANG SYARIAH PADA 31 OKTOBER 2020**
- 6. SEMINAR KEUSAHAWANAN PADA 31 OKTOBER 2020**
- 7. WACANA MEMARTABAT LEGASI TUAN GURU DATO' BENTARA SETIA PADA 16 NOVEMBER 2020**
- 8. HIMPUNAN ANAK MUDA KELANTAN PADA BULAN NOVEMBER 2020**

- 9. SAMBUTAN HARI KELANTANKU BERSIH PADA 19 NOVEMBER 2020**

- 10. PAMERAN SEJARAH 30 TAHUN MBI BERMULA 1 NOVEMBER 2020 - 31 DISEMBER 2020 DI MUZIUM NEGERI**

- 11. PERASMIAN LOJI RAWATAN AIR TUALANG 2 PADA BULAN DISEMBER 2020 DI KUALA KRAI**

12. WALAUPUN PENYERTAAN BAGI SETIAP PROGRAM PADA TAHUN INI ADALAH TERHAD KERANA TERPAKSA MENGIKUT SOP YANG TELAH DITETAPKAN OLEH PIHAK KERAJAAN, TETAPI KITA MENGHARAPKAN PENGISIANNYA NANTI DAPAT MEMBERI MANFAAT KEPADA KITA SEMUA DALAM

MEMACU DAN MENGEKALKAN KERAJAAN
MEMBANGUN BERSAMA ISLAM.

13. AKHIR KATA, SEKALI LAGI SAYA BAGI PIHAK
JAWATANKUASA INDUK SAMBUTAN INGIN
MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN
DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG
TERLIBAT SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK
LANGSUNG BAGI MENJAYAKAN SAMBUTAN 3 DEKAD
PENTADBIRAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM PADA
KALI INI.

WASSALAM